ڤجابت دائيره دان تانه، كوالا كڠسر
**PEJABAT DAERAH DAN TANAH,**
**33000 KUALA KANGSAR,**
**PERAK DARUL RIDZUAN.**

PERAK

*Ruj. Tuan* :
*Ruj. Kami* Bil ( 22 ) dlm. PDKK 02 - 4 - 023
*Tarikh* 12 Ramadhan 1439
28 Mei 2018

**SEPERTI SENARAI EDARAN**

YBhg Dato' / Tuan / Puan,

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA KENDERAAN JENIS JIP FORD EVEREST, BERNOMBOR PENDAFTARAN AFS 7093 PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUALA KANGSAR**

Dengan segala hormatnya saya merujuk surat Bil (58) dlm P.KN.Pk.60/2/60 2017 Jld.6 bertarikh 3 April 2018 berhubung perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Sebut Harga bagi Kenderaan Jenis Jip Ford Everest ditawarkan mulai **30 Mei 2018 (Rabu) sehingga 13 Jun 2018 (Rabu) jam 12.00 tengahari.**

3. Sehubungan itu bersama-sama ini dikepilkan Kenyataan Tawaran Sebut Harga Pelupusan Aset Alih KEW.PA-27 berserta syarat dan peraturan sebut harga untuk YBhg Dato' / Tuan / Puan pamerkan di papan kenyataan jabatan masing-masing.

4. Kerjasama YBhg Dato' / Tuan / Puan dalam hal ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

Saya yang menurut perintah,

**(AHMAD MUNIR BIN ISHAK)**
Pegawai Daerah
Kuala Kangsar

Lampiran

**" INOVASI NADI KESIAGAAN TRANSFORMASI "**

***Telefon:***
05-7761060 *Pegawai Daerah*
05-7766384 *KPPD (Pembangunan)*
05-7765099 *KPPD (Tanah)*
E-mel : pdt_kkangsar@perak.gov.my
05-7761963, 05-7761066, 05-7761077 *Pejabat Am*
05-7761055
*No. Faks* : 05-7764441

**KEW.PA-27**

No. Sebut harga : PDKK / BKP / 02 / 2018

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**

**PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN**

PEJABAT DAERAH DAN TANAH
33000 KUALA KANGSAR
PERAK DARUL RIDZUAN

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

| Bil. | Keterangan aset | Kuantiti | Harga Simpanan |
|---|---|---|---|
| 1. | KENDERAAN JENIS JIP FORD EVEREST , AFS 7093 | 1 | RM10,000.00 |

2. Aset boleh dilihat pada 30 Mei 2018 hingga 12 Jun 2018 di antara jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang di Perkarangan Letak Kenderaan (Parking), Pejabat Daerah Dan Tanah, Kuala Kangsar.

3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperoleh di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.

4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut harga PDKK / BKP / 02 /2018 dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat:

   Pejabat Daerah Dan Tanah
   Aras 2, Bahagian Khidmat Pengurusan
   33000 Kuala Kangsar
   Perak Darul Ridzuan

5. Tarikh tutup sebut harga pada 13 Jun 2018 jam 12.00 tengah hari. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

**(AHMAD MUNIR BIN ISHAK)**

Alamat: Pejabat Daerah Dan Tanah
33000 Kuala Kangsar
Tarikh: 28/5/18
Cap:

PEGAWAI DAERAH 33000 PERAK DARUL RIDZUAN KUALA KANGSAR

## SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.

2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama BENDAHARI NEGERI PERAK (Kementerian atau Jabatan).

3. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.

4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).

5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.

6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.

7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.

8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.

Nota : Syarat-syarat sebutharga boleh dipinda mengikut keperluan Kementerian/Jabatan.